

**WAJBA TRAVEL & TOURS SDN BHD**

Lot 3-045 Endah Parade, Jalan 1/149E,
Taman Sri Endah, Bandar Baru Sri Petaling,
57000 Kuala Lumpur

Rujukan kami : WJBT/HRS/06/103

Tarikh : 20 Jun 2025

Kepada : Pengarah
Politeknik Sultan Idris Shah,
Sungai Lang,
45100 Sungai Air Tawar, Selangor.
(U/p : En Ahmad Zafir)

Tuan/Puan,

PENEMPATAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Pihak kami, **Wajba Travel & Tours Sdn Bhd**, dengan sukacitanya ingin menawarkan peluang penempatan **Latihan Industri** kepada pelajar daripada **Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)**, khususnya dalam bidang Pelancongan. Kami menyediakan ruang pembelajaran menyeluruh yang merangkumi pelbagai aspek pengurusan pelancongan seperti operasi, pemasaran dan jualan, tempahan tiket serta khidmat pelanggan.

2. Untuk makluman pihak tuan/puan, Wajba Travel & Tours Sdn Bhd telah ditubuhkan pada 30 November 2022 dan beroperasi di Endah Parade berhampiran Stesen LRT Bukit Jalil. Kami merupakan sebuah agensi pelancongan berdaftar dan aktif dalam pengendalian pakej pelancongan domestik dan antarabangsa.
3. Syarikat kami juga telah mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan merupakan ahli berdaftar Persatuan Pelancongan Domestik Malaysia (MITA) serta Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA). Keahlian dan pengiktirafan ini mencerminkan komitmen kami dalam mengekalkan

WAJBA TRAVEL & TOURS SDN BHD (1489900-P / KPK/LN10926)

LOT 3-045 ENDAH PARADE, JALAN 1/149E, TAMAN SRI ENDAH,
BANDAR BARU SRI PETALING, 57000 KUALA LUMPUR

+6 03 9054 6395

wajbatravelsdnbd@outlook.com



standard industri, mematuhi regulasi semasa serta mengamalkan etika kerja profesional dalam sektor pelancongan.

4. Sehubungan itu, kami menawarkan peluang latihan industri bagi bidang-bidang berikut:

- Pemasaran & Jualan
- Tempahan Tiket
- Operasi Lawatan (Domestik & Antarabangsa)

5. Antara kelebihan menyertai latihan industri bersama kami:

- Latihan dan bimbingan disediakan
- Persekutaran kerja yang kondusif dan positif
- Peluang menyertai aktiviti pelancongan
- Elaun disediakan
- Potensi diserap sebagai kakitangan tetap selepas tamat latihan

6. Maklumat tambahan:

Waktu Bekerja: 9.00 pagi – 6.00 petang

Hari Bekerja: Isnin – Jumaat (Cuti pada hujung minggu dan cuti umum)

Pihak kami amat mengalu-alukan kerjasama daripada pihak Politeknik Sultan Idris Shah dan bersedia menyediakan maklumat tambahan sekiranya diperlukan. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Cik Zuraidah di talian 011-12580442 atau e-mel kepada wajbatravelsdnbdh@outlook.com.

Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Mohamad Zainul Rusydi Dato' Mohamad Wajdi Ishak

Pengarah

Wajba Travel & Tours Sdn Bhd

WAJBA TRAVEL & TOURS SDN BHD (1489900-P / KPK/LN10926)

LOT 3-045 ENDAH PARADE, JALAN 1/149E, TAMAN SRI ENDAH,
BANDAR BARU SRI PETALING, 57000 KUALA LUMPUR

+6 03 9054 6395

wajbatravelsdnbdh@outlook.com